

Suami isteri kes bunuh anak kejutkan mahkamah

KLANG - Seorang ibu muda yang berdepan pertuduhan bersama suaminya menyebabkan kematian bayi lelaki mereka tiba-tiba naik angin lalu cuba menyerang lelaki itu di kandang pesalah Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Sambil berlinangan air mata, remaja berusia 15 tahun itu menduduh suaminya punca kematian bayi mereka yang berusia 15 bulan pada Ahad lalu.

Dia yang tidak bekerja itu dan suaminya, Johari Yusof (**gambar**), 33, seorang jurujual berkahwin lebih setahun lalu.

"Kau bunuh anak aku," jeritnya menghayunkan kedua-dua tangan untuk memukul tubuh suaminya tetapi sempat dihalang anggota polis dan ditenangkan ke-luarganya.

Remaja itu merupakan tertuduh kedua dalam kes tersebut manakala Johari yang



juga tertuduh pertama hanya mendiamkan diri di kandang pesalah.

Sementara itu, kedua-dua tertuduh tersebut membuat pengakuan tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Tasnim Abu Bakar.

Mereka dituduh mengikut Seksyen 304 Kanun Keseksaan kerana menyebabkan kematian seorang bayi lelaki, Abdul Rahman Abdullah, di Taman Klang Utama, Meru di sini, pukul 6.30 petang pada 24 Ogos lalu.

Timbalan Pendakwa Raya, Farah Wahida Mohd. Noor tidak menawarkan sebarang jaminan dengan alasan jenayah yang dilakukan tertuduh adalah kejam.

Tasnim kemudian menetapkan jaminan sebanyak RM10,000 setiap tertuduh dengan seorang penjamin dan kes disebut semula pada 7 Oktober depan.